



**MAJLIS ANGKAT SUMPAH
JAWATAN DAN IKRAR AKTA
RAHSIA RASMI, MERAIKAN
BEKAS STAF KOR SUKSIS SERTA
MAJLIS BERBUKA PUASA**

**TEKS UCAPAN
YDH KOMANDAN
SUKSIS UTM**

**26 OGOS 2009 (RABU)
5.40 PETANG
DEWAN JAMUAN**

Yang dimuliakan,
pengacara majlis,

Yang Dihormati
ACP Hj. Mohd. Nor Bin. Hj.
Mansor
Ketua Jabatan Pengurusan,
IPK Johor

Pegawai-pegawai Kanan
Polis, Pegawai-pegawai
Kanan Kehormat Kor SUK SIS,
seterusnya tuan-tuan dan
puan-puan hadirin yang
dihormati sekalian.

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan salam
sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita
ke hadrat Allah S.W.T kerana
dengan izin dan limpah
kurnianya dapat kita sama-
sama berkumpul pada
petang yang mulia lagi
berbahagia ini dalam 3
majlis yang kita rangkumkan
menjadi satu.

Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada YDH ACP Hj. Mohd. Nor bin Hj. Mansor, Ketua Jabatan Pengurusan, IPK Johor, Tuan-tuan Pegawai Kanan serta hadirin sekalian di atas kesudian menghadiri majlis ini.

Sebagaimana Tuan-tuan serta hadirin sekalian sedia

maklum, majlis kita pada petang ini dimulai dengan **Majlis Angkat Sumpah Jawatan serta Ikrar Akta Rahsia Rasmi** bagi pelatih-pelatih Junior. Ini adalah sejajar dengan pelantikan mereka untuk menganggotai Kor SUK SIS sebagaimana yang termaktub dalam Akta Polis 1967 dan PTKPN A502.

Saya rasa belum terlambat untuk saya mengucapkan

tahniah kepada pelatih-pelatih Junior kerana terpilih menjadi ahli SUKISIS. Ramai yang berminat untuk menyertai pasukan SUKISIS tetapi tidak semua yang dapat kerana ia terpaksa melalui tapisan ketat dan terperinci dan ini adalah merupakan syarat @ peraturan yang wajib. Tahniah sekali lagi kepada yang telah terpilih kerana yang terpilih adalah yang terbaik.

Walau bagaimanapun, jangan sia-siakan peluang yang diberi ini. Mungkin banyak peluang boleh diperolehi nanti seperti menjalankan tugas kepolisian semasa dalam latihan di samping membantu menjaga keamanan kampus.

Manakala majlis yang kedua adalah **Majlis Berbuka Puasa** yang mana telah kita

masukkan dalam kalendar program tahunan Kor SUKSI UTM. Majlis ini diadakan adalah bertujuan untuk merapatkan serta mengeratkan lagi semangat Ukhwah dibulan yang mulia ini. Semoga Allah akan terus melimpahkan rahmat, kita sentiasa dimurahkan rezeki, diberi kesihatan yang baik dan diberi umur yang panjang untuk kita berbuat amal kebaikan.

Tuan-tuan dan hadirin yang dihormati sekalian,

Dihari yang baik dan dibulan yang mulia ini, kita juga tidak melupakan jasa-jasa mereka yang telah pernah berkhidmat di Kor SUKSIS UTM. Oleh itu, sebagai tanda penghormatan dan menghargai jasa-jasa mereka, majlis pada hari ini turut memasukkan **Majlis Meraikan Bekas Staf Kor SUKSIS UTM** untuk meraikan

mereka. Kehadiran mereka pastinya akan lebih mengeratkan lagi sillaturrahim dan kerjasama.

Saya mewakili UTM dan SUKISIS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen dan dedikasi semasa mencurahkan bakti di SUKISIS UTM. Kepimpinan dan khidmat bakti yang telah diberikan telah berjaya mengharumkan nama serta

imej cawangan Kor SUKSIS
UTM Skudai khasnya dan
Pasukan PDRM amnya.

Sebelum mengundurkan diri,
saya selaku Komandan Kor
SUKSIS UTM sekali lagi
mengucapkan terimakasih
kepada semua yang sudi
meluangkan masa untuk
hadir bersama-sama kita
pada petang ini. Semoga
kemesraan ini akan
mengukuhkan lagi
hubungan erat yang telah

sedia terjalin sesama kita selama ini. Saya turut ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas segala usaha, sumbangan dan jasabakti yang telah dicurahkan oleh semua staf PDRM yang pernah berkhidmat di SUKISIS UTM.

Marilah kita bersama-sama berdoa agar keseluruhan majlis ini akan berjalan dengan lancar dan jayanya.

Akhir kata, walaupun kita datang dari pelbagai profession, tetapi tugas dan tanggungjawab kita tetap sama, iaitu untuk mendidik anak bangsa. Seperti kata pepatah, **sekepal pada yang kaya, segunung pada yang papa, sekecil-kecil tunas di pelihara, akhirnya akan berbuah juga.**

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabaraktuh.